

Polis rekod percakapan Muhyiddin hari ini

Kuala Lumpur: Rakaman percakapan Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin berhubung ucapannya yang didakwa menyentuh isu berkaitan kaum, agama dan Raja (3R) yang sepatutnya semalam, ditangguhkan ke hari ini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, berkata ini kerana peguam Muhyiddin masih berada di luar negara.

“Ada sedikit perubahan berkaitan urusan merekod keterangan Tan Sri Muhyiddin, peguam beliau maklumkan untuk tangguh esok (hari ini) jam 11 kerana dia masih berada di Thailand.

“Keterangan Muhyiddin akan diambil di pejabatnya di Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA),” katanya ringkas ketika dihubungi.

Sejak 8 pagi tadi, lebih 15 penganalisis media menunggu di lobi pejabat Muhyiddin di bangunan

MIDA bagi membuat liputan.

Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pahang didakwa membuat ucapan menyentuh isu 3R ketika kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Nenggiri, Kelantan, baru-baru ini menyebabkan ramai pihak membuat laporan polis.

Muhyiddin juga dikatakan mengeluarkan ucapan yang mempertikai tugas dan peranan Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ketika baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong ke-16.

Tindakan itu membangkitkan kemurkaan Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah yang bertitah supaya



Muhyiddin Yassin

polis mengambil tindakan tegas tanpa kompromi terhadap Muhyiddin.

Kelmarin dalam satu kenyataan, Muhyiddin berkata, beliau akan memberikan kerjasama penuh kepada pihak polis berhubung ucapannya yang didakwa menyentuh isu 3R ketika kempen PRK DUN Nenggiri.

Beliau percaya kenyataan yang dibuatnya itu tidak melanggar mana-mana undang-undang negara.

“Saya ingin menegaskan bahawa ucapan saya di Nenggiri adalah suatu kenyataan fakta yang tidak bermaksud untuk menghinakan institusi Raja atau menimbulkan kecenderungan menghina,” katanya.